

BERITA PETALING JAYA

www.mbpj.gov.my [Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#) [pjcitycouncil](#)

BIL. 2/2023

• : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

: 03-7958 2695

: media@mbpj.gov.my

PERCUMA



BERITA TERKINI MS 3

MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA MBPJ



JELAJAH SELANGOR #KITA SELANGOR PENYAYANG DAERAH PETALING

#KitaSelangor Penyayang ini berjaya mencapai objektifnya untuk Dato' Menteri Besar Selangor menyantuni masyarakat seiring dengan merancakkan ekonomi masyarakat Selangor.



[Berita Penuh MS 4](#)



PJ JORAN 2023

PJ Joran merupakan acara tahunan yang dilaksanakan oleh MBPJ untuk mengetengahkan bakat pemancing Petaling Jaya. Anggaran pengunjung yang hadir program ini adalah sekitar 800 orang.

[Berita Penuh MS 6](#)

Sidang Redaksi



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

PENAUNG
Mohamad Azhan bin Md Amir

PENASIHAT
Abdul Hakim bin Khairuddin

KETUA PENGARANG
Muhammed Azmi bin Yusoff

WARTAWAN
Ahmad Iskandar bin Muhamad Mukhtar
Nor Shalizwati binti Hj Baharudin

PEMBANTU PENERBITAN
Mohammad Shah bin Badlishah
Nurafirah binti Jaharuddin

JURU GAMBAR
Rusdi bin Mohammed Halik
Intan Khairana binti Md. Zali
Salimey bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK
Badrul Hisham bin A Bakar
Ihfaznur Ashikin binti Hj. Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya

• : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 ☎ : 03-7958 2695 ✉ : media@mbpj.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Aznan bin Hj. Hassan
Timbalan Setiausaha (Pengurusan) /
Pengarah Khidmat Pengurusan
Tel : 03-7955 0819

Ir. Ismail bin Shafie
Timbalan Setiausaha (Pembangunan) /
Pengarah Jabatan Kejuruteraan
Tel : 03-7958 7993

Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan
Tel : 03-7955 2354

TPr. Zain Azly bin Abdul Rahman
Pengarah,
Jabatan Perancangan Pembangunan
Tel : 03-7955 7934

Dr. V. Chithradavi a/p Vadivelu
Pengarah,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran
Tel : 03-7955 2381

Aziziza Azdila binti Abd Aziz
Pengarah,
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Tel : 03-7955 2428

Ismathinoon bin Hj. Abd Rahman
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan
Tel : 03-7956 3544 samb. 366

Mohd Rosnani bin Hj. Hamid
Pengarah,
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Tel : 03-7960 3293

Mohd Fauzi bin Maarop
Pengarah,
Jabatan Pengurusan
Tel : 03-7958 8081

LAr. Dr. Badrulzaman bin Jaafar
Pengarah,
Jabatan Lanskap
Tel : 03-7804 8907

Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin
Pengarah,
Jabatan Pelesenan, Pembangunan Perniagaan dan Usahawan
Tel : 03-7960 4513

Lee Lih Shyan
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tel : 03-7954 1534

Samsul Bahari bin Nonchi
Pengarah,
Unit Teknologi Maklumat
Tel : 03-7955 2553

Haniza binti Abdul Hamid
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 03-7958 1764

Norzita binti Mokhtar
Pengarah,
Unit Perundangan
Tel : 03-7957 8042

Sharudin bin Ali
Pengarah,
Unit Audit Dalam
Tel : 03-7954 0268

TPr. Basri bin Basir
Pengarah,
Unit Pusat Setempat (OSC)
Tel : 03-7954 1725

St. Jayanthi a/p Kupusamy
Pengarah,
Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)
Tel : 03-7960 2055

Nor'Ain binti Adam
Penolong Pengarah Kanan
Unit Integriti
Tel : 03-7954 0268

Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,
Prestij Kota Damansara,
47310 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /
03-6143 5942

LAWATAN SAMBIL BELAJAR MAJLIS DAERAH LUAR BANDAR SIBU

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menerima kunjungan lawatan daripada Majlis Daerah Luar Bandar Sibu (MDLBS) yang diketuai oleh YBrs. Cr Sempurai anak Petrus Ngelai pada 14 Mac 2023 yang disertai oleh 28 Ahli Majlis dan 9 pegawai delegasi dari pelbagai jabatan. Kunjungan ini disambut oleh Datuk Bandar MBPJ YBhg. Tuan Mohamad Azhan bin Md Amir disertai dengan kawalan kehormatan oleh MBPJ.

Lawatan ini bertujuan untuk bertukar pandangan dan idea terutama sekali berkaitan dengan bandaraya pintar, mampan, berdaya tahan dan dinamik. MBPJ juga menyediakan tayangan video korporat PJSSR 2030 untuk MDLBS mengenali inisiatif yang dikenangkan oleh MBPJ kearah sebuah Bandar Pintar dan Rendah Karbon menjelang 2030.

Selain bertukar pandangan dan idea lawatan ini turut mengeratkan hubungan antara kedua-dua pihak PBT. Sementara itu, MDLBS berbesar hati menerima kunjungan balas daripada MBPJ pada masa akan datang.





MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA MBPJ

8 Mac 2023 - Hari Istimewa untuk para wanita adalah merupakan Hari Wanita Sedunia. MBPJ turut meraikan para wanita di MBPJ khususnya pada tarikh keramat ini. Majlis Sambutan Hari Wanita yang diadakan di Laman MBPJ ini adalah di bawah kendalian Kelab Wanita IRIS MBPJ. Majlis ini dihadiri oleh YBrs Puan TPr. Hajah Sharipah Marhaini binti Syed Ali selaku Pengurus Kelab Wanita IRIS MBPJ, YBrs Puan Farah Hanini binti Abdul Rahman selaku penasihat Kelab Wanita IRIS MBPJ dan YBhg Tuan Mohammad Azhan bin Md Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya dan warga Petaling Jaya. Sambutan ini turut dimeriahkan dengan kehadiran rakan-rakan strategik dan Ahli Majlis.

Penganjuran program ini adalah untuk meraikan kakitangan wanita MBPJ dan wanita sekitar Petaling Jaya sekaligus sebagai tanda pengiktirafan segala jasa dan titik peluh yang dicurahkan dalam peluang serta penyertaan ekonomi Petaling Jaya.

Majlis sambutan ini bertemakan Kasih Wanita yang mengetengahkan penghargaan dan nilai kasih sayang seorang wanita. Selain itu, majlis sambutan tersebut turut dimeriahkan dengan persembahan Helmi Gimmick dan KOMBO MBPJ semasa jamuan.

Bukan itu sahaja, bagi meraikan kehadiran para tetamu wanita, setiap yang hadir ke majlis tersebut menerima jambangan bunga ros dan cabutan bertuah.



JELAJAH #KITASELANGOR PENYAYANG DAERAH PETALING

12 Mac 2023 - Merupakan hari yang istimewa untuk penduduk daerah Petaling. Hal ini kerana, Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari melaksanakan program Jelajah #KitaSelangor Penyayang Daerah Petaling di Padang Permainan MBPJ PJS 2D/16, Desa Mentari Petaling Jaya.

Program yang bermula seawal 6.00 pagi ini dimulakan dengan solat subuh bersama Dato' Menteri Besar Selangor dan disusuli dengan pelbagai pengisian yang menarik seperti Santai Warung, Jelajah Pasar Rakyat, Senamrobik serta variasi sukan rakyat.

Penduduk daerah Petaling juga turut diraikan dengan nyanyian daripada artis terkenal iaitu Tomok. Selain itu, terdapat lebih 10 kaunter bergerak bagi urusan-urusan rasmi untuk kemudahan

penduduk antaranya Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Jabatan Pertahanan Awam dan Team Selangor. Pembukaan kaunter-kaunter ini untuk memberi kemudahan kepada orang ramai membuat saringan kesihatan dan mendapatkan maklumat berkenaan perkhidmatan awam yang disediakan.

Tambahan pula, Program Jelajah #KitaSelangor Penyayang ini berjaya mencapai objektifnya untuk Dato' Menteri Besar Selangor menyantuni masyarakat seiring dengan merancakkan ekonomi masyarakat Selangor dengan mengangkat peniaga-peniaga Industri Kecil dan Sederhana (IKS) seperti peniaga Food Truck.



MAJLIS PELANCARAN GERAN KOMUNITI UNTUK PETALING JAYA MAMPAH 5.0



17 Mac 2023 - Geran Komuniti ini untuk meningkatkan prestasi MBPJ dalam 10 Thematik berkaitan menerusi penyertaan masyarakat, rakan perkongsian dan inklusif ke arah Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan menjelang 2030.

Geran Komuniti Petaling Jaya bagi tahun 2023 telah dilancarkan bagi memberi peluang kepada komuniti Petaling Jaya untuk kolaborasi bersama MBPJ selaras dengan 10 Thematik PJSSR. Penyertaan mula dibuka pada 17 Mac - 30 Jun 2023.



SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2023 PERINGKAT PETALING JAYA DENGAN KERJASAMA MALAYSIA INDEPENDENT LIVING ASSOCIATION FOR DISABLED (MILAD) DAN MAJLIS TINDAKAN OKU SELANGOR (MTOS)

19 Mac 2023 - Sambutan ini dijayakan dengan kerjasama MALAYSIA INDEPENDENT LIVING ASSOCIATION FOR DISABLED (MILAD) DAN MAJLIS TINDAKAN OKU SELANGOR (MTOS) bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan keterangkuman (inclusivity) dalam reka bentuk landskap serta mengukuhkan jalinan kerjasama antara MBPJ dengan agensi Bukan Kerajaan (NGO) bagi meningkatkan mutu kualiti kehidupan golongan OKU.



PJ JORAN 2023

19 Mac 2023 - PJ Joran merupakan acara tahunan yang dilaksanakan oleh MBPJ untuk mengejengahakan bakat pemancing Petaling Jaya. Anggaran pengunjung yang hadir program ini adalah sekitar 800 orang. Kali ini, Shahrizal Yusri atau lebih dikenali dengan nama panggilan Tok Dalang berjaya meraih kemenangan kerana berjaya menaikkan Patin seberat 5.720 kilogram.

Manakala naib juara Nor Rizuan Mohd Ariffin membawa pulang RM2,000 menaikkan ikan patin 1.970 kilogram dan tempat ketiga peserta wanita Nadira Zabani menaikkan ikan talapia seberat 0.660 kilogram membawa pulang RM1,000.



MAJLIS PENYAMPAIAN BUAH KURMA DAN PROGRAM TAUTAN KASIH



20 Mac 2023 - Tradisi sejak dari tahun 2007 masih diteruskan sehingga ke hari ini. Setiap kali Ramadhan bakal menjelang tiba pihak MBPJ akan menyantuni setiap kakitangan majlis dengan memberi buah kurma. Di majlis yang sama, 60 warga emas dan OKU telah menerima sumbangan sebanyak RM250.00 pasca Ramadhan.



MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN SUKAN 2022



16 Mac 2023 - Majlis ini bertujuan meraikan para atlet MBPJ khususnya yang telah memberikan sumbangan dalam kecemerlangan sukan peringkat MBPJ. Antara kategori yang mendapat penganugerahan adalah Penyelaras dan Pengurus Program Pembangunan dan Elit MBPJ. Seterusnya, Pasukan Program Pembangunan Remaja MBPJ 2022. Diikuti, Olahragawan dan Olahragawati Harapan MBPJ 2022. Selain itu, Penyampaian Piala Kemenangan Sukan MALA 2022 dan pasukan terbaik kategori Elit. penyampaian anugerah ditutup dengan Anugerah Penghargaan Khas Sukan MBPJ 2022.





PROGRAM ZIARAH PRIHATIN

SEKSYEN 3, 2 MAC 2023 - Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon dan Lembaga Zakat Selangor telah menziarahi isteri kepada pesakit kronik yang terlantar di Pusat Perubatan Universiti Malaya. Usaha ini untuk membantu menyelesaikan masalah perubatan suami yang telah ditidurkan dan meringankan beban tanggungan beliau yang menjaga tiga orang anak serta ibu mertua yang menghidap penyakit buah pinggang.

KEMPEN PENCEGAHAN PENIPUAN DALAM TALIAN

SS 2, 3 MAC 2023 – Ekoran aktiviti penipuan dalam talian yang semakin berleluasa, Ahli Majlis Zon 8, En. Wong Swee Sang dan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Tuan ACP Mohamad Fakhrudin Abdul Hamid telah turun padang ke Pasar Pagi SS 2 untuk mengedarkan risalah pencegahan jenayah penipuan dalam talian kepada peniaga dan orang ramai.

BENGKEL MEMBUAT BISKUT

SS 6, 8 MAC 2023 – Komuniti ibu tunggal Zon 21 telah mengikuti bengkel membuat biskut tat dan biskut bangkit keju anjuran Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazitah Ahmad yang telah diadakan di TNB Residensi. Ahli Majlis Zon 21 turut menghadiahkan sekuntum bunga kepada para peserta sebagai tanda menghargai jasa wanita sempena sambutan Hari Wanita.

GOTONG-ROYONG DESA MENTARI

DESA MENTARI, 12 MAC 2023 - Ahli Majlis Zon 24, En. Ridzuan Ahmad telah merasmikan program gotong-royong perdana pembersihan serta penceriaan kawasan sekitar Blok 8, Desa Mentari. Turut hadir Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tuan Halimey Abu Bakar.

PROGRAM MUSLIMAT MASJID NURUL YAQIN

KELANA JAYA, 16 MAC 2023 – Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar telah menghadiri program muslimat Masjid Nurul Yaqin iaitu majlis bacaan Yasin, tahlil dan tazkirah bertajuk ‘Selamat Datang Ramadhan’ yang telah disampaikan Ustazah Salawahiu dari Pertubuhan IKRAM Malaysia.

LIGA FUTSAL TERTUTUP ZON 17

PJS 1/21A, 17 & 18 MAC 2023 - Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor dengan kerjasama anak muda komuniti Petaling Perdana telah menganjurkan liga futsal tertutup yang berlangsung di padang futsal Persatuan Penduduk Pangsapuri Petaling Perdana. Sebanyak 8 pasukan kanak-kanak dan veteran telah menyertai kejohanan ini. Program turut diisikan dengan solat berjemaah Asar dan Maghrib serta tazkirah yang telah disampaikan oleh Ustaz Alip Fadillah Bustami daripada Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) Kem MINDEF Semarak.



SANTUNI WARGA EMAS DAN B40

SS 6, 18 MAC 2023 – Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazitah Ahmad telah meluangkan masa menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada golongan warga emas dan keluarga B40 sekitar SS 5 dan SS 6. Sumbangan ini sebagai tanda keprihatinan Ahli Majlis kepada penduduk dalam kawasan pentadbiran beliau dan juga persiapan menghadapi bulan Ramadhan 1444 Hijrah.



GOTONG-ROYONG PPR LEMBAH SUBANG 1

LEMBAH SUBANG, 19 MAC 2023 – PPR Lembah Subang 1 merupakan salah satu titik panas demam deggi di Petaling Jaya. Untuk membendung masalah ini Ahli Majlis Zon 4 bersama Majlis Perwakilan Penduduk Zon 4 telah melaksanakan program gotong-royong dengan kerjasama Surau Al-Ihsaniah membersihkan kawasan-kawasan berisiko pembiakan nyamuk aedes.



GOTONG-ROYONG PERDANA ZON 24

PJS 8, 19 MAC 2023 - Ahli Majlis Zon 24, En. Ridzuan Ahmad bersama-sama penduduk Pangsapuri PKNS Bandar Sunway telah menyertai acara gotong-royong perdana membersihkan longkang dan membuang sampah-sampah pukal untuk meningkatkan tahap kebersihan dan menceriakan kawasan tersebut.



EDARAN BUAH KURMA MPP ZON 17

PETALING PERDANA, 24 MAC 2023 - Ahli Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 17 telah mengedarkan sejumlah 500 pak buah kurma kepada penduduk di Masjid As Salam Petaling Perdana. Program ini merupakan acara rutin Ahli Majlis dan MPP Zon 17 semasa bulan Ramadhan setiap tahun.



SUMBANGAN KASIH RAMADHAN

PETALING UTAMA, 28 MAC 2023 - Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor telah mengedarkan makanan asas dan buah kurma kepada penduduk sempena program sumbangan kasih Ramadhan Majlis Perwakilan Penduduk Zon 17. Turut serta Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik.



ZIARAH KASIH RAMADHAN ZON 15

SEKSYEN 3, 29 MAC 2023 - Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon telah mengetuai rombongan yang disertai seramai 15 orang peserta yang terdiri daripada ahli Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 15 telah menziarahi warga emas yang uzur dan menghadapi masalah kesihatan melalui penganjuran program Ziarah Kasih Ramadhan.



EDARAN BUBUR LAMBUK DAN BUAH KURMA

TAMAN DATO' HARUN, 27 & 30 MAC 2023 - Sebanyak 1,200 pak bubur lambuk dan buah kurma telah diedarkan kepada penduduk di empat lokasi iaitu Blok D Taman Medan Jaya, Flat PKNS Taman Dato' Harun, Blok 11, Desa Mentari 3 dan Jalan PJS 2D/8D Taman Medan. Program ini merupakan acara tahunan Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik sebagai satu platform untuk merapatkan hubungan dengan penduduk dan masyarakat setempat.



GOTONG-ROYONG DAN SAMBUTAN HARI WANITA KBS

ARADAMANSARA, 11 MAC 2023 – Ahli Majlis Zon 4, En. Mohd Ikhwan Mohamad Din telah menganjurkan program Gotong-royong dan Sambutan Hari Wanita peringkat Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di Pusat Dagangan NZX Ara Damansara yang melibatkan penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 dan Lembah Subang 2. Gotong-royong ini mengfokuskan padang bola sepak dan melibatkan sukarelawan Satria yang baru ditubuhkan oleh KBS untuk membantu masyarakat dan komuniti. Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Tuan Adam Adli Abd Halim.

مجلس بندراءي بنتاليج جايا MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA مجلس بندراءي بنتاليج جايا MAJLIS BANDARAYA



ePay@MBPJ

PERKHIDMATAN ONLINE MELALUI APLIKASI WEB

SMART PARKING



Muat turun aplikasi
Smart Parking
di google play

embjp@MBPJ

Boleh membuat semakan seperti:

- Lesen
- Aduan
- Sewaan
- Cagaran
- Cukai Taksiran
- Semakan Kompaun
- Status Bayaran Kontraktor

SEMAKAN DAN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN

Bayaran melalui ePay di
www.mbpj.gov.my
dan klik ePay

Bayaran secara online melalui
Internet Banking

- MBF Click & Pay (Ambank)
- Ambank (bil payment)
- Hong Leong Bank
- Maybank2U
- Pos Online
- RHB Bank
- HSBC Bank
- Bank Rakyat (bil payment)
- Bank Islam
- JomPay (Biller Code: 76737)

KIOS

Pembayaran di kios
lobi ibu pejabat MBPJ, lobi
menara MBPJ dan Pejabat
Cawangan Petaling Utara

- Cukai Taksiran
- Kompaun
- Tempahan
- Bil pelbagai
- Sewaan
- Cagaran (Tunai sahaja)

TALIAN ADUAN

HOTLINE MBPJ 03 7954 2020

011-1201 7914

Waktu urusan adalah
bermula jam
8.00 pagi – 5.00 petang
hari bekerja

SILA IMBAS QR KOD INI
UNTUK KE LAMAN WEB RASMI MBPJ



AWASI Demam Denggi

Tindakan mencegah Demam Denggi

Jika anda berada di
kawasan wabak denggi:

Lindungi diri dari gigitan nyamuk

- Sembur aerosol
- Gunakan repelan
- Pakai baju lengan panjang dan seluar panjang berwarna cerah
- Elakkan berada di luar rumah pada waktu puncak gigitan nyamuk iaitu awal pagi dan senja

Jika anda datang
dari tempat berisiko
denggi:

Dapatkan rawatan segera di fasiliti
kesihatan sekiranya mengalami
gejala jangkitan demam denggi

Bekas-bekas yang
menakung air
hendaklah dicuci dan
dibuang airnya atau
ditutup kemas.

Masukkan bahan pembunuhan
jentik-jentik ke dalam kolah
atau takungan air



Diterbitkan oleh:
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

